

FAQ Program Transformasi Minda (PTM)

FAQ Untuk Pelaksana

1. Apakah tujuan penubuhan Panel Pengurusan PTM?

*Panel Pengurusan PTM diwujudkan di semua Kementerian/Jabatan/Agensi yang melaksanakan PTM bertujuan **menguruskan pelaksanaan PTM di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi.***

(Perenggan 17 PP 14/2012)

2. Apakah tanggungjawab Panel Pengurusan PTM?

Tanggungjawab Panel Pengurusan PTM adalah seperti berikut:

- (a) **menetapkan kaedah pelaksanaan program yang bersesuaian;***
- (b) **menimbang dan mengesahkan laporan kehadiran dan laporan penilaian sepanjang program bagi setiap pegawai yang menghadiri PTM;***
- (c) **menimbang kebenaran mengulang bagi pegawai yang tidak melengkapkan PTM tertakluk pada tempoh percubaan pegawai;***
- (d) **mengeluarkan dan memperakukan sijil kehadiran kepada pegawai yang telah hadir dengan jaya PTM; dan***
- (e) **menimbang isu-isu berkaitan pelaksanaan PTM.***

(Perenggan 19 PP 14/2012)

3. Adakah pegawai yang terpaksa meninggalkan program atas sebab-sebab tertentu perlu mengulangi keseluruhan program?

*Pegawai yang tidak melengkapkan PTM hendaklah **mengulang semula segmen yang belum dilengkapkan.***

(Perenggan 21 PP 14/2012)

4. Adakah pegawai yang tidak melengkapkan PTM perlu memohon untuk mengikuti semula PTM?

Ya. Pegawai hendaklah mengemukakan permohonan kepada urus setia bagi tujuan mengulang semula segmen berkenaan.

(Perenggan 21 PP 14/2012)

5. Bolehkah Kementerian/Jabatan/Agensi melaksanakan PTM kurang dari 5 hari?

Sebarang pengubahsuaian dari segi tempoh, kurikulum dan penilaian PTM selain daripada yang ditetapkan hendaklah mendapat kelulusan daripada JPA.

(Perenggan 25 PP 14/2012)

6. Bolehkah Kementerian/Jabatan/Agensi mengubahsuai atau meminda kurikulum PTM?

Sebarang pengubahsuaian dari segi tempoh, kurikulum dan penilaian PTM selain daripada yang ditetapkan hendaklah mendapat kelulusan daripada JPA.

(Perenggan 25 PP 14/2012)

7. Adakah kurikulum bagi kumpulan sokongan dan kumpulan pengurusan dan profesional berbeza?

Kurikulum yang digunakan untuk PTM adalah sama untuk semua kumpulan perkhidmatan. Ini kerana pelaksanaan PTM boleh dibuat tanpa mengira kumpulan perkhidmatan/gred jawatan.

(Perenggan 10 PP 14/2012)

8. Adakah pelaksanaan PTM boleh dibuat secara berasingan antara kumpulan sokongan dan kumpulan pengurusan dan profesional?

Pelaksanaan PTM boleh dibuat tanpa mengira kumpulan perkhidmatan/gred jawatan atau dibuat secara berasingan mengikut kesesuaian Kementerian/Jabatan/Agensi.

(Perenggan 10 PP 14/2012)

9. Sekiranya Kementerian/Jabatan/Agensi di mana pegawai ditempatkan tidak mampu melaksanakan PTM, bolehkah pegawai menumpang mengikuti PTM di Kementerian/Jabatan/Agensi lain?

*Boleh. Kementerian/Jabatan/Agensi yang **tidak mempunyai keupayaan** untuk melaksanakan PTM atas sebab-sebab tertentu boleh **menumpangkan** pegawainya untuk menghadiri PTM di Kementerian/Jabatan/Agensi **lain** tertakluk kepada syarat-syarat berikut:*

- (a) urusan **penumpangan dipersetujui** oleh **kedua-dua pihak** Kementerian/Jabatan/Agensi yang menumpang dan menerima pegawai sebagai pegawai tumpangan;
- (b) **Sijil PTM** yang **dikeluarkan** oleh Kementerian/Jabatan/Agensi yang **melaksanakan program** tersebut hendaklah diterima pakai bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan; dan
- (c) sekiranya Kementerian/Jabatan/Agensi yang menerima pegawai sebagai pegawai tumpangan mengenakan **bayaran pengurusan**, kadar yang dikenakan hendaklah **munasabah** dan **dipersetujui oleh kedua-dua pihak**.

(Perenggan 12 PP 14/2012)

10. Siapakah yang bertanggungjawab mengeluarkan sijil PTM sekiranya pegawai menumpang PTM di Kementerian/Jabatan/Agensi lain?

*Sijil PTM **dikeluarkan** oleh Kementerian/Jabatan/Agensi yang **melaksanakan program** tersebut.*

(Perenggan 12 PP 14/2012)

11. Adakah sijil PTM yang dikeluarkan oleh agensi pelaksana PTM diterimapakai dalam urusan pengesahan dalam perkhidmatan pegawai?

*Ya. **Sijil PTM** yang **dikeluarkan** oleh Kementerian/Jabatan/Agensi yang **melaksanakan program** tersebut **hendaklah diterima pakai** bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan.*

(Perenggan 12 PP 14/2012)

12. Berapa kalikah pelaksanaan PTM boleh diadakan?

*Pelaksanaan PTM boleh diadakan **mengikut keperluan** Kementerian/Jabatan/Agensi.*

(Perenggan 10 PP 14/2012)

13. Adakah tempoh pelaksanaan PTM selama lima (5) hari merangkumi kesemua tiga (3) segmen yang dinyatakan?

*Ya. Kesemua tiga segmen berkenaan akan dirangkumi di dalam tempoh lima (5) hari berkenaan. Namun begitu, skim perkhidmatan yang mensyaratkan Kursus Asas atau Pra-Perkhidmatan kepada pegawai lantikan baru **boleh mengintegrasikan kurikulum PTM dalam Kursus Asas atau Pra-Perkhidmatan** tersebut.*

(Perenggan 10 & 11 PP 14/2012)

14. Adakah masih ada modul umum dan khusus dalam PTM?

*Tiada modul umum dan khusus dalam PTM. Kerangka **kurikulum PTM** ini terbahagi kepada **tiga (3) segmen** utama iaitu:*

- (a) Segmen I: Negara dan Perkhidmatan Awam;*
- (b) Segmen II: Tanggungjawab dan Peranan Pegawai; dan*
- (c) Segmen III: Budaya Kerja Kelas Pertama.*

(Perenggan 9 PP 14/2012)

15. Bolehkah Kementerian/Jabatan/Agensi meneruskan kursus induksi Modul Khusus?

Kursus Induksi Modul Khusus tidak lagi dilaksanakan mulai 1 Januari 2013.** Walau bagaimanapun, Ketua Jabatan di mana pegawai ditempatkan masih **digalakkan** untuk mengadakan **sesi penerangan** mengenai fungsi organisasi dengan lebih terperinci. Sesi penerangan tersebut **tidak dianggap sebagai sebahagian daripada PTM dan tidak dijadikan syarat pengesahan dalam perkhidmatan.

(Perenggan 16 PP 14/2012)

16. Bolehkah Kementerian/Jabatan/Agensi melaksanakan PTM di luar pejabat?

*Boleh. Kementerian/Jabatan/Agensi digalakkan untuk **menggunakan kemudahan institut-insitut latihan awam** yang disediakan bagi tujuan ini.*

(Perenggan 10 PP 14/2012)

17. Bagaimanakah penilaian terhadap peserta PTM dilakukan memandangkan tiada ujian akhir?

*Penilaian PTM dibuat secara **penilaian sepanjang program** berdasarkan kepada aktiviti dan kriteria penilaian yang ditetapkan dan penilaian kefahaman di akhir sesi.*

(Perenggan 14 PP 14/2012)

18. Dalam keadaan bagaimanakah seseorang pegawai boleh dikatakan gagal PTM?

*Pegawai yang gagal PTM adalah disebabkan **masalah disiplin dan komitmen**. Pegawai ini tidak dibenarkan mengulang semula PTM dan boleh ditamatkan perkhidmatannya.*

(Perenggan 22 PP 14/2012)

19. Apakah kriteria yang dinilai sepanjang PTM?

*Penilaian sepanjang program dijalankan berasaskan kepada **tiga (3) kriteria utama** iaitu **disiplin dan personaliti – 50 markah, komitmen – 30 markah dan penilaian kefahaman – 20 markah**.*

(Perenggan 3.1 Garis Panduan Penilaian Program Transformasi Minda – Lampiran C PP 14/2012)

20. Berapakah markah lulus PTM?

*Markah lulus PTM adalah **60 markah**.*

(Kembaran A Lampiran C PP 14/2012)

21. Bolehkah Kementerian/Jabatan/Agensi mengubahsuai atau meminda kriteria penilaian sepanjang program yang telah ditetapkan?

*Sebarang pengubahsuaian dari segi tempoh, kurikulum dan penilaian PTM selain daripada yang ditetapkan **hendaklah mendapat kelulusan daripada JPA.***

(Perenggan 25 PP 14/2012)

22. Bagaimanakah Kementerian/Jabatan/Agensi boleh mendapatkan soalan bagi penilaian kefahaman?

*Kementerian/Jabatan/Agensi boleh **merujuk kepada pihak JPA** untuk mendapatkan soalan bagi penilaian kefahaman sebelum melaksanakan PTM.*

23. Bolehkah Kementerian/Jabatan/Agensi melantik syarikat perunding (*consultant*) untuk melaksanakan PTM bagi pihak Kementerian/Jabatan/Agensi?

*PTM perlu dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi. Sekiranya **tidak** mempunyai **keupayaan** untuk melaksanakan PTM atas sebab-sebab tertentu, Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan **boleh menumpangkan pegawainya** untuk menghadiri PTM di agensi lain tertakluk kepada syarat-syarat yang telah diperuntukkan.*

(Perenggan 12 PP 14/2012)

24. Siapakah yang layak menjadi penilai semasa PTM?

***Penilaian** semasa PTM hendaklah dilaksanakan **oleh fasilitator** yang merupakan **pegawai awam** yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaras dan mengendalikan PTM secara sepenuh masa untuk agensi berkenaan.*

(Perenggan 3.2 Garis Panduan Penilaian Program Transformasi Minda-Lampiran C PP 14/2012)